

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	13 FEBRUARY 2017

## Akar umbi tak sokong kerjasama Kit Siang, Dr. M

UM-13/2/2017

**KUALA LUMPUR 12 Feb.** - Pengumuman keluar parti oleh empat wakil DAP di Melaka hari ini membuktikan barisan pemimpin peringkat akar umbi parti itu tidak berpuas hati dengan kerjasama antara Penasihatnya, Lim Kit Siang dengan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak berkata, barisan pemimpin

DAP sudah lama tidak gembira dengan kepimpinan Kit Siang dan Setiausaha Agung parti itu yang belum disahkan, Lim Guan Eng dan situasi tersebut telah sampai ke kemuncaknya ketika ini.

“Pengumuman keluar parti itu membuktikan apa yang telah lama diketahui sejak kebelakangan ini iaitu akar umbi DAP tidak gembira dengan kerjasama (Dr. Mahathir-Kit Siang) itu. Masih banyak lagi (pemimpin DAP) yang

mempunyai perasaan yang sama, namun demi parti, mereka hanya berdiam diri.

“Sejumlah orang Melayu ada yang menyokong pakatan pembangkang pimpinan DAP tetapi tidak menyukai peranan yang dimainkan oleh Dr. Mahathir dalam pakatan tersebut. Apa yang Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Presiden PKR) katakan semalam adalah luahan sentimen kebanyakan orang Melayu,” katanya dalam laman blognya, *sskeruak*.